

SAYYIDINA ALI DAN TINDAKANNYA DALAM MENDEPANI KELOMPOK SESAT

Mukhamad Khafiz Bin Abdul Basir

Suhaila Sharil

Muhammad Fairouz Fathillah

Dr. Muhamad Yosef Niteh

Maad Ahmad

mukhamadkhafiz@kuis.edu.my

suhailla@kuis.edu.my

mfairooz@kuis.edu.my

myosef@kuis.edu.my

maad@kuis.edu.my

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRAK

Perpecahan dalam kalangan umat Islam merupakan sunnah kauniyyah Allah yang tidak dapat dielakkan. Sekalipun perpecahan tersebut merupakan dosa dan perkara yang dilarang tetapi ianya telahpun berlaku bertepatan dengan apa yang telah dijelaskan oleh nabi Muhammad dalam hadis-hadis baginda. Telah berlaku kesesatan yang sangat jelas tatkala Khalifah Ali bin Abi Talib menjadi khalifah hingga mereka ini mempertuhan sang Khalifah. Pegangan mereka ini telah disanggah dengan amat keras oleh sayyidina Ali bin Abi Talib. Namun yang menjadi persoalan di kalangan para cendiakawan ialah; siapakah kelompok tersebut? Apakah ijthad Sayyidina Ali bin Abi Talib yang mengambil tindakan membakar mereka hidup-hidup tepat? Maka tajuk kecil ini ditulis bagi merungkaikan perbahasan tersebut. Semoga kita tahu dan mengenali kesesatan kelompok penyembah hawa nafsu supaya kita dapat menghindari kebatilan-kebatilan mereka dan supaya kita dapat melaksanakan tanggungjawab memelihara kelestarian dan kesucian agama ini daripada sebarang penyelewengan dan kejahatan.

Kata kunci: *Ali bin Abi Talib, kelompok sesat, murtad, hukum*

PENDAHULUAN

Sayyidina Ali Bin Abi Talib merupakan seorang tokoh Ahli sunnah walaupun diangkat sebagai imam pertama yang maksum oleh kelompok syiah Rafidhah, beliau merupakan tokoh sahabat Nabi yang merupakan Khalifah keempat dalam sejarah peradaban islam.

Dalam tempoh zaman pemerintahannya beliau telah berdepan dengan banyak ujian dan cubaan yang pastinya memerlukan kepada suatu tindakan tegas sang khalifah selain ijtihad agama dan politik yang tegas dan matang.

Antara ijtihad Sayyidina Ali bin Abi Talib ialah ketika beliau berdepan dengan kelompok yang menganggapnya sebagai tuhan. Tindakan keras yang telah diambil oleh beliau itu telah direkodkan dalam hadis soheh Bukhari dan ianya menimbulkan kritikan daripada Ibnu Abbas yang merupakan pakar tafsir yang telah didoakan oleh Nabi dengan kefaqihan dan tafsiran. Bukan bertujuan membeza-bezakan ilmu para sahabat, tetapi kita ingin mengkaji pandangan yang paling tepat dalam sesuatu masalah khilaf khususnya dalam perkara yang berkaitan dengan nyawa, yang semestinya berlandaskan teks al-Quran dan al-Sunnah. Kita mengimani hadis Nabi bahawa sesiapa yang berijtihad kemudian tepat maka dia mendapat 2 pahala dan sesiapa yang berijtihad kemudian tersalah maka dia mendapat 1 pahala. Tetapi soal ijtihad ini hendaklah dilakukan oleh insan yang mempunyai kelayakan dalam berijtihad seperti para sahabat dan ulama-ulama mujtahidin.

Semoga tulisan ini dapat merungkai beberapa hukum, dan menilai usaha yang telah dilakukan oleh khalifah Ali bin Abi Talib dalam melawan dan menghalang kelompok sesat. Justeru secara langsung mengetahui bahawa tindakan khalifah Ali itu tidak wajar difahami oleh segelintir manusia yang jahil sebagai hukuman dan tindakan yang ekstrim dan melampau.

Semoga Allah merahmati kita semua dan membukakan pintu hati kita supaya dapat menilai yang hak dan yang batil seterusnya sentiasa mengikuti jalan-jalan orang yang benar, soleh, para syuhada dan orang-orang soleh. Amin.

SUMBER KISAH SAYYIDINA ALI MEMBAKAR ORANG

Kisah ini telahpun dinaqalkan oleh Imam Bukhari Rahimullah dalam Sohehnya, beliau telah membawakan 2 riwayat seperti berikut:

عن عكرمة أن علياً حرق قوماً، فبلغ ابن عباس فقال: لو كنتُ أنا لم أحرِقهم؛ لأنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عليه وسلم قال: "لا تُعذِّبوا بعذاب الله"، ولَقَتَلْتُهُمْ كما قال النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عليه وسلم: "مَنْ بَدَّلَ دِينَهُ فَاقْتُلُوهُ". (صحيح البخاري رقم: ٢٨٥٤).

Daripada Ikrimah bahawa Ali telah membakar satu kaum, maka telah sampailah berita tersebut kepada Ibnu Abbas, lantas Ibnu Abbas berkomentar: "Kalaulah aku, aku tidak akan membakar mereka; kerana Nabi telah bersabda: "Janganlah kalian semua mengazab dengan azab Allah", tetapi pasti aku akan bunuh mereka sepertimana nabi bersabda: "Sesiapa yang mengubah agamanya maka hendaklah kalian membunuhnya".

عن عكرمة قال: أتي عليٌّ بزنادقة فأحرقهم، فبلغ ذلك ابنَ عباسٍ فقال: لو كنت أنا لم أحرقهم؛ لنهي رسول الله صلى الله عليه وسلم: "لَا تُعَذِّبُوا بِعَذَابِ اللَّهِ"، ولَقَتَلْتُهُمْ لِقَوْلِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَنْ بَدَّلَ دِينَهُ فَاقْتُلُوهُ". (رواه البخاري رقم: ٦٥٢٤).

Daripada Ikrimah berkata: Telah didatangkan kepada Ali kelompok zindik maka beliau membakar mereka. Maka sampailah berita tersebut kepada Ibnu Abbas lantas beliau berkata: "Kalaulah aku yang menghukum, aku tidak akan membakar mereka kerana larangan nabi yang menyebut: "Janganlah kalian mengazab dengan azab Allah", dan aku pasti akan bunuh mereka kerana nabi berkata: "Sesiapa yang menukar agamanya maka hendaklah kalian bunuh dia".

Kisah ini juga telah disebutkan oleh para cendekiawan islam dalam kitab-kitab mereka seperti imam Ibnu Hajar dalam syarah beliau kepada soheh Bukhari (Fathul Bari), Ibnu Khaldun dalam kitab tarikhnya. (Abdul Rahman bin Muhamad bin Khaldun (W808H) , dan Imam al-Ajuriy dalam kitabnya (Imam Muhamad bin Husin al-Ajuriy (wafat 360H).

عَنْ عُثْمَانَ بْنِ أَبِي عَثْمَانَ قَالَ: جَاءَ نَاسٌ مِنَ الشَّيْعَةِ إِلَى عَلِيِّ بْنِ أَبِي طَالِبٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ فَقَالُوا: يَا أَمِيرَ الْمُؤْمِنِينَ أَنْتَ هُوَ؟ قَالَ: مَنْ أَنَا؟ قَالُوا: أَنْتَ هُوَ؟ قَالَ: وَيَلَكُمْ مَنْ أَنَا؟ قَالُوا: أَنْتَ رَبُّنَا. قَالَ: ارْجِعُوا فَتُوبُوا، فَأَبَوْا فَضَرَبَ أَعْنَاقَهُمْ، ثُمَّ حَدَّ هُمْ فِي الْأَرْضِ أُحْدُودًا، ثُمَّ قَالَ لِقَنْبَرٍ: ائْتِنِي بِحِزْمِ الْحَطَبِ، فَأَتَاهُ بِهَا فَأَحْرَقَهُمْ بِالنَّارِ.

Daripada Usman bin Abi Usman beliau berkata: "Telah datang sekelompok manusia daripada kalangan Syiah kepada Ali bin Abi Talib lalu mereka berkata: "Wahai Amirul Mukminin, kamu adalah Dia? Ali berkata: "Siapakah Dia itu?" mereka berkata

"Dialah". Ali menjawab: "Celakalah kalian, siapakah aku?" mereka menjawab: "kamu adalah tuhan kami". Ali berkata: "Baliklah kalian dan bertaubatlah", tetapi mereka enggan. Maka tengkok-tengkok mereka dipancung kemudian dibuatkan parit untuk mereka, lalu Ali berkata: "Wahai Qunbur datangkan kepadaku kayu-kayu api"!, maka dibawakan kepadanya kayu api lantas Ali membakar mereka dengan api (Imam Al-Ajuriy)

Khalifah Ali Tidak Maksum Dan Melakukan Kesilapan;

Walaupun Khalifah Ali telah mendapat pujian daripada Nabi Muhammad yang menjelaskan bahawa Ali adalah sahabat nabi yang paling bijak dalam menghukum (penghakiman)¹, tetapi ia bukanlah tiket yang mengesahkan bahawa Khalifah Ali tidak melakukan kesilapan atau bersifat maksum seperti maksumnya para anbiya'. Beliau tidak bersifat maksum seperti yang didakwa oleh kelompok-kelompok syiah dan yang sekutu dengannya. Tetapi kesilapan yang dilakukan oleh para sahabat dan mujtahidin sudah semestinya termasuk dalam golongan yang mendapat pahala seperti yang direkodkan dalam hadis nabi yang soheh,

عَنْ عَمْرِو بْنِ الْعَاصِ، أَنَّهُ سَمِعَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «إِذَا حَكَمَ الْحَاكِمُ فَاجْتَهَدَ ثُمَّ أَصَابَ، فَلَهُ أَجْرَانِ، وَإِذَا حَكَمَ فَاجْتَهَدَ ثُمَّ أَخْطَأَ، فَلَهُ أَجْرٌ»

Daripada Amru bin al-Ash bahawa beliau mendengar rasulullah bersabda: "Jika seseorang hakim mengeluarkan hukuman maka berijtihad kemudian tepat, maka baginya 2 pahala. Dan jika seorang hakim berijtihad kemudian tersalah, maka baginya satu pahala" (Soheh Muslim, no hadis: 1716.)

¹ Ini seperti datang dalam hadis Sunan Tirmizi dan dinilai soheh lagi hasan oleh beliau. Hadis tersebut seperti berikut:

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَرْحَمُ أُمَّتِي بِأُمَّتِي أَبُو بَكْرٍ، وَأَشَدُّهُمْ فِي أَمْرِ اللَّهِ عُمَرُ، وَأَصْدَقُهُمْ حَيَاءً عُمَرَانُ، وَأَقْرَبُهُمْ لِكِتَابِ اللَّهِ أَبِيُّ بْنُ كَعْبٍ، وَأَفْرَضُهُمْ زَيْدُ بْنُ ثَابِتٍ، وَأَعْلَمُهُمْ بِالْحَلَالِ وَالْحَرَامِ مُعَاذُ بْنُ جَبَلٍ أَلَا وَإِنَّ لِكُلِّ أُمَّةٍ أَمِيْنًا وَإِنَّ أَمِيْنَ هَذِهِ الْأُمَّةِ أَبُو عُبَيْدَةَ بْنُ الْجَرَّاحِ.

Kisah Sayyidina Ali ini juga adalah bukti bahawa Khalifah Ali bin Abi Talib tidaklah mengetahui semua hadis-hadis yang disampaikan oleh nabi kepada para sahabat. Hal ini terbukti telah berlaku kepada ramai para sahabat besar nabi Muhammad seperti yang berlaku kepada Umar al-Khattab dalam masalah mandi junub dan juga khilaf yang berlaku dalam kalangan sahabat bagi menentukan kubur Nabi setelah kewafatan baginda. Sebab itulah ulama hadis merekodkan bilangan hadis-hadis yang diriwayatkan oleh para sahabat baginda adalah berbeza-beza dan disepakati bahawa sahabat nabi yang paling banyak meriwayatkan hadis nabi ialah Abu Hurairah radiyallahu anhu.

Penulis beranggapan bahawa Sayyidina Ali telah berjihad dengan ilmunya dalam menetapkan hukuman yang mana beliau radiyallahu anhu tidak mengetahui hadis larangan membakar manusia dalam menghukum. Ini terbukti apabila beliau mengakui kebenaran daripada teguran sayyidina Abdullah bin Abbas seperti telah datang dalam riwayat soheh lagi hasan dalam Sunan Tirmizi seperti berikut;

عَنْ عِكْرِمَةَ، أَنَّ عَلِيًّا حَرَّقَ قَوْمًا ارْتَدُّوا عَنِ الْإِسْلَامِ، فَبَلَغَ ذَلِكَ ابْنَ عَبَّاسٍ، فَقَالَ: لَوْ كُنْتُ أَنَا لَقَتَلْتُهُمْ بِقَوْلِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَنْ بَدَّلَ دِينَهُ فَاقْتُلُوهُ. وَمَ أَكُنْ لِأَحْرَقَهُمْ لِقَوْلِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لَا تُعَذِّبُوا بَعْدَابِ اللَّهِ، فَبَلَغَ ذَلِكَ عَلِيًّا، فَقَالَ: صَدَقَ ابْنُ عَبَّاسٍ. هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ. وَالْعَمَلُ عَلَى هَذَا عِنْدَ أَهْلِ الْعِلْمِ فِي الْمُرْتَدِّ، وَاحْتَلَفُوا فِي الْمَرْأَةِ إِذَا ارْتَدَّتْ عَنِ الْإِسْلَامِ، فَقَالَتْ طَائِفَةٌ مِنْ أَهْلِ الْعِلْمِ: تُقْتَلُ، وَهُوَ قَوْلُ الْأَوْزَاعِيِّ، وَأَحْمَدَ، وَإِسْحَاقَ. وَقَالَتْ طَائِفَةٌ مِنْهُمْ: تُجْبَسُ وَلَا تُقْتَلُ، وَهُوَ قَوْلُ سُفْيَانَ الثَّوْرِيِّ، وَغَيْرِهِ مِنْ أَهْلِ الْكُوفَةِ.

Daripada Ikrimah bahawa Ali telah membakar satu kaum yang murtad daripada Islam, maka sampailah berita itu kepada Ibnu Abbas lantas beliau berkata: "Kalaulah aku, aku pasti akan bunuh mereka kerana Nabi bersabda: (Sesiapa yang merubah agamanya maka bunuhlah dia), tetapi aku tidak akan bakar mereka kerana Nabi bersabda: (Janganlah kalian mengazab dengan azab Allah), maka sampailah kritikan Ibnu Abbas itu kepada Ali, Sayyidina Ali menjawab: "Benarlah Ibnu Abbas". Imam Tirmizi berkata: Ini adalah hadis soheh lagi hasan.

Hukuman bunuh itu telah disepakati tetapi pelaksanaan bunuh itulah yang menimbulkan khilaf. Kaedah yang paling sesuai dilaksanakan ke atas mereka ialah dibunuh menggunakan pedang.

Siapakah golongan yang telah dihukum bakar oleh Khalifah Ali?

Terdapat khilaf dikalangan para ulama dalam menentukan identiti kelompok tersebut. Sebahagian mereka menyatakan sepertimana yang disebutkan dalam hadis riwayat imam bukhari yang menyatakan sebagai kelompok Zanadiqah (zindik). Sebahagian lain menyatakan bahawa kelompok sesat tersebut adalah golongan yang murtad daripada agama islam (Murtaddin), ini seperti dinyatakan dalam riwayat Imam al-Humaidi dalam musnadnya (Imam Abu Bakar Abdullah bin Zubair bin Isa al-Humaidi). Sebahagian ulama menyatakan bahawa kelompok yang dibakar hidup-hidup oleh Khalifah Ali ialah kelompok Rafidhoh ini seperti disebutkan oleh Imam al-Isfarayini dalam kitabnya al-Milal wan Nihal.

Sebahagian ulama menyatakan bahawa mereka adalah kelompok syiah ini seperti dinyatakan dalam riwayat Imam al-Ajuriy rahimahullah yang menyatakan seperti berikut: "Telah menceritakan kepada kami Abu Bakar Abdullah bin Muhammad al-Wasitiy berkata, Telah menceritakan kepada kami Fadl bin Sahal al-A3raj berkata, Telah menceritakan kepada kami Syababah bin Siwar, Telah menceritakan kepada kami Kharijah bin Mus'ab daripada Salam bin Abi Qasim daripada Usman bin Abi Usman beliau berkata: "Telah datang sekelompok manusia daripada kalangan Syiah kepada Ali bin Abi Talib lalu mereka berkata: "Wahai Amirul Mukminin, kamu adalah Dia? Ali berkata: "Siapakah Dia itu?" mereka berkata "Dialah". Ali menjawab: "Celakalah kalian, siapakah aku?" mereka menjawab: "kamu adalah tuhan kami". Ali berkata: "Baliklah kalian dan bertaubatlah", tetapi mereka enggan. Maka tengkok-tengkok mereka dipancung kemudian dibuatkan parit untuk mereka, lalu Ali berkata: "Wahai Qunbur datangkan kepadaku kayu-kayu api"!, maka dibawakan kepadanya kayu api lantas Ali membakar mereka dengan api, kemudian beliau bersajak; "Tatkala aku melihat perkara itu adalah perkara munkar, Aku nyalakan apiku dan aku panggil Qunbur" (Imam Al-Ajuriy).

Justeru terdapat beberapa pendapat para ulama dalam menentukan identiti kelompok sesat dan kufur itu. Ringkasannya adalah seperti berikut:

- 1) Kelompok Murtad
- 2) Kelompok Zindiq (Tidak beragama)
- 3) Kelompok Rafidhoh (Syiah)

- 4) Kelompok Sabaiyyah (Nisbah kepada Abdullah bin Saba')
- 5) Kelompok Syiah

Penulis memilih pandangan yang menyatakan bahawa kelompok tersebut ialah kelompok Murtad kerana beberapa sebab seperti berikut:

Pertama; Disebutkan secara jelas dalam teks riwayat Imam Bukhari dalam sohehnya bahawa mereka adalah kelompok yang murtad.

Kedua; Imam Ibnu Hajar al-Asqalani menaqalkan pendapat Imam Abu Muzfir al-Farayini dengan menggunakan ungkapan berikut; "Telah mendakwa Abu Muzfir al-Farayini bahawa orang yang dibakar oleh Ali bin Abu Talib ialah golongan Syiah Rafidhah yang mendakwa ketuhanan Ali, dan mereka ialah kelompok Sabaiyyah..." (Imam Ibnu Hajar al-Asqalani, 12/270) adalah bukti sangkalan imam Ibnu Hajar terhadap Imam Abu Muzfir al-Farayini Rahimahullah. Kemudian imam Abu Muzfir tidak konsisten menetapkan kelompok tersebut, samada kelompok Rafidhah atau Sabaiyyah?

Ketiga; Sedia dimaklumi bahawa iktikad kelompok syiah mahupun kelompok Syiah Rafidhah, ialah menganggap Sayyidina Ali sebagai Imam pertama mereka yang maksum. Bukan sebagai Allah mahupun tuhan. Ini dapat diketahui mereka penulisan para ulama syiah dan termasuklah para ulama sunnah yang menaqalkan pegangan-pegangan mereka.

Keempat: "Jika benar sekalipun kelompok Sabaiyyah beriktikad bahawa Ali adalah tuhan, sebenarnya mereka sudah tentulah termasuk dalam kelompok yang murtad yang terkeluar daripada agama islam. Justeru menamakan dan memilih kelompok sesat yang dibakar oleh Sayyidina Ali sebagai kelompok Murtaddin adalah lebih sesuai dan tepat. Wallahu A3lam.

Bolehkah Menggunakan Api Dalam Menghukum Manusia

Telah datang hadis yang melarang menggunakan api dalam melaksanakan sesuatu hukuman secara umum sepertimana dalam hadis Soheh Bukhari. Nabi bersabda yang bermaksud: "Janganlah kalian mengazab dengan azab Allah". Sedia diketahui bahawa azab Allah ialah api neraka dan ini dapat difahami melalui pemahaman terhadap riwayat lain seperti berikut;

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَنَّهُ قَالَ: " بَعَثَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي بَعْثٍ فَقَالَ: (إِنْ وَجَدْتُمْ فُلَانًا وَفُلَانًا فَأَحْرِقُوهُمَا بِالنَّارِ)، ثُمَّ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حِينَ أَرَدْنَا الْخُرُوجَ: (إِنِّي أَمَرْتُكُمْ أَنْ تُحْرِقُوا فُلَانًا وَفُلَانًا، وَإِنَّ النَّارَ لَا يُعَذِّبُ بِهَا إِلَّا اللَّهَ، فَإِنْ وَجَدْتُمُوهُمَا فَاقْتُلُوهُمَا)

Daripada Abu Hurairah beliau berkata: "Rasulullah telah mengutuskan kami ke suatu tempat dan baginda berkata: "Jika kalian menemui fulan dan fulan maka bakarlah mereka berdua dengan api". Kemudian rasulullah berkata kepada kami tatkala kami mahu keluar: " Sesungguhnya aku telah perintahkan kalian membakar fulan dan fulan, dan sesungguhnya api tidak digunakan untuk mengazab melainkan oleh Allah, jika kalian temui mereka berdua maka bunuhlah mereka (soheh Bukhari, no hadis 3016).

Para ulama telah berselisih pendapat dalam menetapkan hukum membunuh makhluk menggunakan api. Imam Ibnu Hajar berkata dalam fathul bari: "Para ulama salaf telah berselisih pendapat dalam hukum membakar, maka Ibnu Umar dan ibnu Abbas serta lain-lain lagi telah mengharamkannya samada ianya disebabkan kekufuran ataupun dalam peperangan ataupun dalam bab qisas, adapun Ali bin Abi Talib dan Khalid bin al-Walid serta lain-lain telah mengharuskannya..." (Fathul Bari, 6/150.)

Dalil-dalil yang digunakan oleh pihak yang mengharamkan ialah;

- 1) Hadis riwayat Abu Hurairah dalam soheh Bukhari seperti di atas: "Sesungguhnya api tidak digunakan untuk mengazab melainkan oleh Allah".
- 2) Daripada Abdullah bin Mas'ud berkata: "Kami Bersama Rasulullah dalam satu permusafiran...dan nabi melihat perkampungan semut yang telah hangus kami bakar, lalu nabi berkata: "Siapakah yang membakar ini?" kami menjawab: "kami ya rasulullah. Kemudian nabi bersabda: "Sesungguhnya tidak sepatutnya mengazab dengan api melainkan tuhan api".(Sunan Abu Daud No hadis: 2675)
- 3) Daripada Ibnu Abbas bahawa Nabi bersabda yang bermaksud: "Janganlah kalian mengazab dengan azab Allah" (Soheh Bukhari, no hadis: 3017).

Adapun dalil-dalil pihak yang mengharuskannya ialah seperti berikut;

- 1) Nabi telah mencungkil mata orang-orang uraniyyin dengan besi panas. Menunjukkan harus menggunakan api dalam membunuh.

- 2) Khalid bin al-Walid pernah membakar kelompok yang murtad dan kebanyakan para ulama Madinah mengharuskannya membakar kuda dan tunggangan, ini disebutkan oleh Sufian al-Thauri dan Imam al-Auzaie.
- 3) Dalam satu riwayat disebutkan kisah berikut;

عَنْ أَبِي مُوسَى، «أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَعَثَهُ وَمُعَاذَ بْنَ جَبَلٍ إِلَى الْيَمَنِ، فَأَمَرَهُمَا أَنْ يُعَلِّمَا النَّاسَ الْقُرْآنَ»، فَجَاءَ مُعَاذٌ إِلَى أَبِي مُوسَى يَزُورُهُ، وَإِذَا عِنْدَهُ رَجُلٌ مُوثِقٌ بِالْحَدِيدِ، فَقَالَ: يَا أَخِي أَبْعَثْنَا نُعَذِّبُ النَّاسَ أَمْ بُعِثْنَا نُعَلِّمُهُمْ وَنَأْمُرُهُمْ بِمَا يَنْفَعُهُمْ؟ فَقَالَ لَهُ: أَسَلِمَ، ثُمَّ كَفَرَ، فَقَالَ: وَالَّذِي بَعَثَ مُحَمَّدًا بِالْحَقِّ لَا أَبْرَحُ حَتَّى أَحْرِقَهُ بِالنَّارِ، فَقَالَ أَبُو مُوسَى: إِنَّ لَنَا عِنْدَهُ بَقِيَّةً، قَالَ مُعَاذٌ: وَاللَّهِ لَا أَبْرَحُ أَبَدًا، قَالَ: فَأَتَيْتُ بِحَطَبٍ فَأَهْبَيْتُ فِيهِ النَّارَ،

Daripada Muaz dan Abu Musa bahawa Nabi memerintahkan mereka berdua mengajarkan manusia, suatu masa Muaz menziarahi Abu Musa, didapati terdapat seorang lelaki yang dirantai dengan besi. Lalu Muaz berkata kepada Abu Musa: "Wahai saudaraku, adakah engkau diutuskan supaya mengazab manusia? Hanyasanya kita ini diutuskan supaya mengajarkan agama dan menyuruh manusia kepada perkara-perkara yang memberi manfaat kepada mereka". Lalu Abu Musa menjawab: "sesungguhnya dia ini telah masuk islam kemudian murtad (kafir), demi yang mengutuskan Nabi Muhammad dengan kebenaran, aku tidak akan melepaskan dia sehinggalah aku bakar dengan api. Kemudian beliau membawa kayu api menyalakannya dan mencampakkan lelaki itu dalam api tersebut" (al-Mu'jam al-Kabir, no hadis: 66.).

Penulis berpandangan bahawa pandangan kelompok pertama yang menyatakan mereka merupakan golongan murtaddin adalah lebih kuat kerana hujjah-hujjah dan jawapan berikut;

- 1) Setiap larangan mengandungi pengharaman melainkan datang dalil yang lain yang merubah hukumnya daripada haram kepada makruh, dan tiada dalil kuat yang merubah hukum tersebut, sedangkan larangan nabi sangatlah jelas.

Kisah perbuatan nabi menghukum kelompok Uraniyyin adalah disebabkan hukuman Qisas kepada kejahatan sama yang telah mereka lakukan kepada orang islam. Terdapat juga kemungkinan ianya adalah termansuh selepas pernyataan-pernyataan nabi dalam

hadis soheh bukhari. Berkata Abu Ishak Ibrahim bin Ali al-Syirazi: "Jika seseorang membunuh dengan pedang, maka tidak diqisas melainkan dengan pedang kerana Allah berfirman yang bermaksud: "Maka sesiapa yang melakukan kejahatan ke atas kalian maka balaskan kejahatan ke atasnya dengan yang seumpamanya" (al-baqarah: 194)...jika seseorang itu membunuh atau mengazab seseorang dengan cara membakarnya, atau menenggelamkannya, atau melemparnya dengan batu, atau melemparkannya daripada tempat tinggi, atau memukulnya dengan kayu, atau mengurungkannya, atau menghalangnya daripada mendapatkan makanan dan minuman, lalu matilah orang itu, maka pihak waris kepada si mati berhak menuntut Qisas yang sama kerana Allah berfirman yang bermaksud: "dan jika kamu membalas kejahatan pihak lawan maka hendaklah kamu membalas dengan kejahatan yang sama seperti yang ditimpakan kepada kamu" (al-Nahl:126). Dan kerana telah datang dalam riwayat al-Baraah radiyallahu anhu bahawa Nabi bersabda yang bermaksud: "Sesiapa yang membakar, maka kami akan bakar dia, dan sesiapa yang menenggelamkan maka kami akan tenggelamkan dia" (Imam an-Nawawi, 18/458)

- 2) Adapun kisah membakar kuda dan tunggangan ianya adalah terikat dengan syarat bahawa cara tersebut dapat dan mampu menewaskan musuh.
- 3) Adapun perbuatan khalid al-Walid mahupun Ali bin Abi Talib maka ianya terjawab dengan tentangan dan kritikan daripada para sahabat yang lain. Kemudian para sahabat seluruhnya telah terbukti pujian Allah ke atas mereka dan telah datang dalam hadis-hadis nabi mengenai kelebihan mereka khasnya para khulafa Rasyidin, itu semua tidak lain hanyalah kerana kuatnya mereka berpegang dengan al-Quran dan al-Hadis dan ketaatan mereka kepada syarak sehinggalah mereka bertemu dengan Allah. Namun begitu tidak ada jaminan bahawa mereka ini maksum, boleh jadi ijthihad mereka ada yang betul dan ada yang silap. Betul dan silap itu adalah diukur dengan hadis-hadis nabi yang sampai kepada mereka.

Justeru ini semua membuktikan bahawa pendapat yang mengharamkan menggunakan api adalah lebih kuat berbanding yang mengharuskannya. Melainkan dalam masalah hukuman qisas seperti yang telah dijelaskan seperti di atas. Ini kerana majoriti para ulama telah mengharuskan membakar orang yang membakar orang dengan api atas dasar Qisas. Berkata Imam Ibnu Mulaqqin Rahimahullah: "Berkata sekumpulan ulama, sesiapa yang membakar maka dia dibakar, pendapat ini adalah disebut oleh imam Malik, Ulama Madinah, Imam Syafie, imam Ahmad dan Ishak" (Imam Ibnul Mulaqqin al-Misri, 18/61).

Berkata Ibnu Taimiyah Rahimahullah: "dan hendaklah diketahui bahawa tiada seorangpun dalam kalangan imam-imam yang diterima oleh ummat secara umum dengan sengaja menyisihi atau menyalahi rasulullah dalam sesuatu perkara. Sesungguhnya mereka sepakat dengan kesepakatan yang penuh keyakinan bahawa wajib mengikuti rasul, setiap orang boleh diambil kata-katanya atau ditinggalkan melaikan kata-kata nabi Muhammad. Akan tetapi jika datang daripada imam-imam ini satu pendapat daripada mereka sedangkan telah datang satu hadis soheh menjelaskannya dengan yang berlawanan dengan pendapat imam tersebut, maka tiada keuzuran baginya supaya meninggalkan pendapatnya. Keseluruhan uzur/kemaafan itu ada 3 jenis, pertama; dia tidak beriktikad bahawa nabi menyebutkannya. Kedua; dia tidak beriktikad membawakan permasalahan tersebut dengan pendapat tersebut. Ketiga; dia beriktikad bahawa hukum tersebut telah dimansuhkan (Ibnu Taimiyah)

.

PENUTUP

Daripada hasil perbincangan seperti di atas dapatlah dirumuskan bahawa Sayyidina Ali bin Abi Talib telah menjalankan tanggungjawab beliau sebagai khalifah dalam menentang fahaman kelompok sesat yang telah terkeluar daripada islam. Beliau telah berjihad dengan penuh keilmuan dan menggunakan hukuman yang paling keras kerana kelompok tersebut telah mempertuhkannya sekalipun beliau telah meminta mereka bertaubat atau memperingatkan mereka daripada kesesatan tersebut.

Kisah ini juga membuktikan bahawa ijihad para sahabat berbeza-beza, atau dengan kata lain telah berlaku khilaf dalam kalangan para sahabat dalam beberapa masalah dan hukum hakam. Kemudian beliau pula mengakui kebenaran daripada pihak lain iaitu Ibnu Abbas yang jauh lebih muda berbanding beliau sekalipun hukuman bakar itu telahpun dilaksanakan oleh beliau ke atas kelompok murtaddin.

Melalui kisah ini juga dapat diketahui mengenai bahaya kesesatan kelompok sabaiyyah yang dibawa oleh Abdullah bin Saba' al-Yahudi yang rentetan daripada kelompok sabaiyyah ini maka munculnya kelompok sesat lain dinamakan sebagai syiah Rafidhah yang sekalipun tidak mempertuhan khalifah Ali tetapi mereka telah memaksumkan beliau sehingga dalam setengah periwayatan kitab-kita utama mereka beranggapan bahawa kedudukan imam-imam maksum mereka itu adalah lebih mulia dan tinggi berbanding kedudukan para Anbiya dan para malaikat seluruhnya. Semoga kita semua mengambil iktibar daripada kisah-kisah salaf dan bersedia menjalankan tanggungjawab memelihara kelestarian agama dan kesuciannya daripada sebarang penyelewangan dan tohmahan.

RUJUKAN

- Muhamad bin Ismail al-Bukhari (Wafat 256H), Soheh Bukhari, cetakan: Dar Thoq an-Najah. Tahun 1422H.
- Muslim bin al-Hajjaj al-Naisaburi Soheh Muslim, Cetakan: Dar Ihya Turath al-Arabi Beirut.
- Ibnu Hajar al-Asqalani (852H), Fathul Bari Syarah Soheh al-Bukhari, cetakan Darul Makrifah Beirut Lubnan, tahun 1379H.
- Abdul Rahman bin Muhamad bin Khaldun (Wafat 808H), Tarikh Ibnu Khaldun, cetakan: Darul Fikr Beirut. Tahun 1988.
- Abu Bakar Muhamad bin al-Husain Al-Ajuriy (wafat 360H), Al-Syari'ah, cetakan: Darul Watan , Riyadh. Tahun 1999.
- Abu Bakar Abdullah bin Zubair bin Isa al-Humaidi (wafat 219H), Musnad al-Humaidi, cetakan; Darul Saqa' Damsyik Syiria, tahun 1996.
- Sulaiman bin al-Asy'ash al-Sajistani (Wafat 275H), Sunan Abu Daud, cetakan: Dar al-Risalah al-Ilmiyyah. Tahun 2009.
- Muhammad bin Isa al-Tirmizi (wafat 279H), Sunan al-Tirmizi, cetakan DARul al-Ghorb al-Islami Beirut, tahun 1998.
- Abu Zakaria Mahyuddin Yahya an-Nawawi (wafat 676H), Al-Majmuk Syarah, cetakan: Darul Fikr Beirut Lubnan.
- Sirajudin Umar bin Ali al-Misri al-Syafie terkenal sebagai Ibnul Mulaqqin al-Misri (wafat 804H), Al-Taudhih Syarah Jami' al-Soheh, Cetakan: Dar al-Nawadir, Damsyik. Tahun 2008.
- Abul Abbas Ahmad bin Abdul Halim Ibnu Taimiyah (wafat 728H), Raful Malam An A'immatul A3lam, cetakan: Lajnah fatwa Arab Saudi, Riyadh. Tahun 1983.
- Sulaiman bin Ahmad al-Tabrani (wafat 360 Hijrah), Al-Mu'jam al-Kabir, cetakan: Maktabah Ibn Taimiyyah Kaherah, tahun 1994.